

IKLAN JAWATAN KOSONG DI ZOO MELAKA.

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan (keutamaan diberikan kepada anak Negeri Melaka) untuk mengisi kekosongan jawatan di Zoo Melaka, Ayer Keroh, Melaka.

1. MAKLUMAT JAWATAN

- (a) Jawatan : PEGAWAI VETERINAR – G41
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan & Professional
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pertanian (G)
- (d) Taraf Jawatan : Kontrak
- (e) Kekosongan : 1 Kekosongan

2. JADUAL GAJI

- Gred G41 : P1T1 : RM 1,473.44 – P1T27 : RM 4,038.64
- Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred G41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- Elaun-elaun :
 - i) Imbuan Tetap Khidmat Awam - RM 300.00
 - ii) Imbuan Tetap Perumahan - RM 250.00
 - iii) Elaun Insentif - RM 150.00
 - iv) Cola - RM 200.00

3. SYARAT LANTIKAN

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Terdiri daripada warganegara;
 - (b) Umur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
 - (c) Lulus Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau ijazah dalam ilmu perubatan veterinar atau Sains Veterinar dan memiliki syarat tambahan
 - (d) Berdaftar di bawah Seksyen 12 (1) Akta Doktor Veterinar 1974 selaras dengan senarai kelayakan-kelayakan di bahagian 1 Jadual kedua (Gaji permulaan ialah pada Gred G41:P1T7);
 - (e) Lulus Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab dalam menguruskan kerja-kerja rawatan haiwan, post mortem haiwan-haiwan yang mati, pembelian ubat-ubat terkawal untuk kegunaan klinik dan melakukan kerja-kerja pelupusan asset hidup di Zoo Melaka serta tugas-tugas lain yang diarahkan.

5. CATATAN AM

- i) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- ii) Permohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iii) Sebarang perbelanjaan bagi memohon jawatan ini adalah di bawah tanggungjawab pemohon sendiri

6. CARA MEMOHON

- i) Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh diperolehi daripada Bahagian Pentadbiran Zoo Melaka (secara percuma) pada waktu pejabat.
- ii) Borang permohonan perlu dilengkapi dengan disertakan salinan dokumen persekolahan dan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan
- iii) Pemohonan berikut AKAN DITOLAK :-
 - i) Dokumen yang tidak lengkap
 - ii) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan dan tidak disahkan
 - iii) Tidak mematuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan
 - iv) Permohonan tidak ditandatangani
 - v) Permohonan diterima selepas tarikh tutup iklan.

7. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

Borang Permohonan yang telah dilengkapi hendaklah sampai kepada :-

Pengarah,
Zoo Melaka,
Ayer Keroh,
75450 Melaka.

Sebelum atau pada 15 Julai 2009